



MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PENGEMBANGAN TAHUN 2009 'TRANSFORMASI PENGEMBANGAN RISDA'

OLEH:

**YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: RISTEC, PORT DICKSON,
NEGERI SEMBILAN**

**TARIKH: 23 FEBRUARI 2009
8.30 MALAM**

- Yang Berusaha Pengurus Majlis
- Tn. Hj. Omar bin Paimin
Pengarah Bahagian Pengembangan dan Kesejahteraan Rakyat
- Pengarah-Pengarah Bahagian
- Pengarah RISDA Negeri
- Peserta-Peserta Bengkel yang dihormati sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Penghargaan

Syukur Alhamdullillah, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di RISTEC ini untuk Majlis Perasmian Bengkel Pengembangan Tahun 2009 pada malam ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada Tn Hj. Omar Paimin, Pengarah Pengembangan dan Kesejahteraan Rakyat yang telah mengambil inisiatif untuk

3

mengadakan Bengkel ini sebagai langkah susulan untuk mengoperasikan Amanat Pengurusan 2009.

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Tumpuan RISDA 2009

Amanat Pengurusan RISDA bagi tahun 2009 yang bertemakan ‘Memantapkan ‘Back to basic’ telah disampaikan pada 15 Januari 2009 yang lalu, merupakan Garis Panduan kepada semua staf RISDA dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan masyarakat pekebun kecil pada tahun ini. Tumpuan RISDA pada

4

tahun ini adalah Pemantapan Aktiviti Pengembangan. Tumpuan 2009 adalah untuk membuat pembaharuan menyeluruh dalam pendekatan dan pelaksanaan aktiviti Pengembangan bagi mengembalikan semula kegemilangan RISDA sebagai Agensi Pengembangan tersohor. Ini merupakan hasil daripada resolusi Konvensyen PPR dan Retreat Pengurusan yang telah diadakan pada akhir tahun 2008 yang telah banyak menyentuh mengenai kerja-kerja pengembangan terutamanya mengenai laporan pengembangan terlalu banyak yang perlu disediakan serta beban tugas di peringkat bawah. Selaras dengan itu, tahun 2009 telah diisyiharkan sebagai ‘Tahun Transformasi Pengembangan’ untuk

memberi tumpuan khusus kepada pengembangan. Dengan ini, kita perlu menjadi ‘transformers’ untuk mengorak langkah secara drastik dan memikir ‘out of the box’ untuk mencari jalan untuk memantapkan lagi kerja-kerja pengembangan yang menjadi nadi pembangunan pekebun kecil.

3. Ke arah perubahan kerja pengembangan

Saya difahamkan sebagai langkah permulaan ke arah perubahan, 2 sesi ‘brainstorming’ telah diadakan meliputi semua peringkat Pegawai dan kakitangan RISDA iaitu dari Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, PRD, Ketua Stesen, PPR dan juga kerani. Bagi sesi Bengkel

ini pula, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Professor dari UPM, Tn. Hj. Omar Sendiri dan Ketua stesen Gemenceh akan menyampaikan kertas kerja. Kita dengar dari semua pihak sebelum kita dapat merumuskan satu gerak kerja yang praktikal dan berkesan yang dapat di terima pakai di lapangan.

Perkara-perkara yang perlu di beri perhatian adalah:

- a. Kaedah-kaedah dan penggunaan ICT dalam aktiviti pengembangan (Gadget yang sesuai)
- b. Mempertingkatkan kerja khidmat Pengembangan & pendampingan dengan cara yang lebih berkesan
- c. Mengkaji semula Laporan-laporan pengembangan dan

cara untuk melaksanakan konsolidasi.

- d. Menggunakan PMPK dan lain-lain individu yang dikenalpasti sebagai *Significant Village Individual (SVI)* dan ‘role model’ dalam program pembangunan masyarakat setempat.
- e. Mengukuh dan memantapkan Institusi Sosial sedia ada seperti PWPK, GDW KPK dan AJK TSB yang ditubuhkan.
- f. Memantapkan pelaksanaan PPG dan program 3:3:1:3

4. Penutup

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkam setinggi-tinggi penghargaan kepada J/Kuasa penganjur Bahagian Pengembangan dan Kesejahteraan Rakyat, khususnya Tn. Hj. Omar bin Paimin kerana dapat menganjurkan satu Bengkel yang begitu berfaedah kepada kita semua untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasar kita. Semoga hasil sumbangan idea peserta Bengkel ini serta keputusannya dapat kita gunakan untuk membangunkan pekebun kecil secara lebih berkesan dan RISDA kembali sebagai satu Agensi pengembangan yang terbilang, insyaAllah.

Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’ saya dengan ini merasmikan Bengkel Pengembangan Tahun 2009 dengan doa semoga Bengkel ini akan memberi manfaat dan mencapai tujuan dan matlamat yang disasarkan.

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum
w.b.t**